

## Perkembangan Awal Pengaruh Shaykh al-Albani Terhadap Masyarakat Syria

Lukman Hakim Nurdin<sup>1</sup>, Najah Nadiah Amran<sup>2</sup> & Mohd Arif Nazri<sup>3</sup>

Email: <sup>1</sup>lukman\_perlis87@yahoo.com, <sup>2</sup>najah@ukm.edu.my & <sup>3</sup>mohdarif@ukm.edu.my

<sup>1</sup>Calon sarjana di Jabatan Pengajian al-Quran dan al-Sunnah, FPI, UKM

<sup>2&3</sup>Pensyarah kanan di Jabatan Pengajian al-Quran dan al-Sunnah, FPI, UKM

### Abstrak

Kertas kerja ini bertujuan membincangkan pengenalan ringkas pengaruh Shaykh Muhammad Nasir al-Din al-Albani di Syria. Negara pertama beliau diami setelah berhijrah dari Albania, tanah kelahiran beliau. Di sinilah jati diri beliau sebagai pakar dalam bidang hadith kurun ke-20 terbentuk dan beliau dikenali sebagai salah seorang tonggak aliran salafi. Kertas kerja ini mengkaji proses pembentukan pengaruh beliau dalam kalangan masyarakat Syria pelbagai lapisan masyarakat dan juga inti pati yang diterapkan dalam dakwah beliau. Reka bentuk kajian yang digunakan adalah secara kualitatif iaitu kajian kepustakaan dengan metode menganalisis dokumen. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pengajian hadith yang diceburi dan ditekuni selama bertahun-tahun serta pegangan beliau dengan Manhaj Salaf telah membentuk beliau menjadi seorang tokoh hadith dan tonggak pemikiran salafi yang disegani oleh kawan dan lawan. Selain itu, didapati bahawa metode dialog beliau dengan individu dan kumpulan yang tidak sealiran telah melonjakkan nama beliau sebagai seorang ilmun yang mempunyai pengaruh yang besar dan mencipta fenomena baharu di Syria.

**Kata kunci:** Pengaruh al-Albani, tokoh hadith abad 20, tokoh salafi, tokoh hadith Syria, muhaddith aliran salafi.

### Abstract

This article aims to discuss the influence of Shaykh Muhammad Nasir al-din al-Albani in Syria which is the first country he sojourn after migrating from his birthplace, Albania. al-Albani was first known by people as an expert the field of hadith for 20th century and one of the most important figures in salafis' movement. This paper examines the process of the formation of al-Shaykh's influence in the Syrian community at various walks of life and also the essence of his thought during preaching. The reaserch design is qualitative as employing library research and textual analyzing. The findings of this study has discovered that the school or hadith studies as well as early education he obtained in his previous years of life had shaped his salafi thought and expertise in the hadith field. He received credits and praises from his contemporaries and rivals. In addition it found that his metode of dialogue with allies and opponents contributed to make him popular as a scholar who had an impact in Syria.

**Keywords:** al-Albani, hadith, salafis' movement, the Syrian community, hadith studies.

### 1. Pengenalan

Pengaruh seseorang tokoh dalam sesebuah masyarakat amat berkait rapat dengan kelebihan seseorang tokoh tersebut baik dari segi penguasaan dalam sesuatu bidang ilmu ataupun cara pemikirannya yang dianggap unik dan berkesan dalam sanubari orang ramai ( Depdikbud, 2001). Hal tersebut termasuk al-Shaykh Muhammad Nasir al-Din al-Albani yang dianggap sebagai tokoh yang amat mempengaruhi orang ramai terutamanya ketika beliau mula bertapak dan memulakan dakwah dan pengaruh beliau di Syria, bahkan juga dianggap salah seorang tokoh yang mewakili satu aliran yang amat dominan di sebahagian Negara-negara Arab, terutamanya Negara teluk iaitu aliran salafi ( Muh.Ikhsan, 2006).

Pengaruh Shaykh al-Albani lebih terserlah dari segi ketokohan beliau dalam ilmu hadith Nabi SAW yang dianggap sebagai al-Muhaddith, penolong sunnah Nabi SAW bahkan al-Mujaddid kurun ke 20 Masehi, selain itu banyak juga membincangkan dan menyentuh hal-hal yang berkaitan dengan Aqidah Salafiyah dan menyeru orang ramai untuk berpegang dengan Aqidah tersebut sejak mula-mula berjinak dengan dakwah setelah mempelajari ilmu yang berkaitan dengan hadith Nabi SAW ('Abdullah, 2008).

Kajian yang berbentuk kepustakaan ini bertujuan mengkaji pengaruh yang ditinggalkan oleh Shaykh al-Albani selama pembabitan beliau dalam lautan ilmu Islam yang luas ini. Menurut M. Nazir dalam bukunya

yang bertajuk *Metodologi Penelitian* menyatakan bahawa kajian kepustakaan ialah cara pengumpulan data dengan membuat kajian terhadap buku-buku, jurnal-jurnal, literatur-literatur dan laporan-laporan yang berkait rapat dengan persoalan yang akan dikaji (M.Nazir,1988). Oleh itu penulis mengumpulkan buku-buku yang berkaitan dengan perkembangan pengaruh Shaykh Muhammad Nasir al-Din al-Albani di Syria untuk dianalisis dan dikaji bagi mendapatkan dapatan dan membuat rumusan.

## 2. Pengenalan Ringkas al-Shaykh al-Albani

Shaykh Muhammad Nasir al-Din al-Albani ialah seorang ulama hadith kurun ke 20 yang bernama penuh Muhammad Nasir al-Din bin Nuh bin Adam Najati. Beliau amat dikenal dengan panggilan atau gelaran al-Albani yang disandarkan pada negara kelahirannya iaitu Albania (salah satu negara Balkan yang terletak di benua Eropah). Manakala *kunyah* (gelaran) adalah Abu Abd al-Rahman sempena nama anak pertama beliau (Al-Aly, 2001) beliau juga dipanggil dengan gelaran *al-Arna 'uti* yang merujuk kepada gelaran yang diberikan kepada seseorang yang berasal dari Arna'ut, dan juga diberikan kepada pendatang di Syria pada zaman tersebut. (Ibrahim & Muslim, 2007)

Shaykh al-Albani dilahirkan pada tahun 1332H bertepatan dengan tahun 1914 (Audah, 2001). di Bandar Skhoder (Asqadar) yang merupakan ibu negara lama bagi Negara Albania, manakala Tirana (tirane) ialah ibu negara baharu bagi negara tersebut. Beliau membesar dalam sebuah keluarga miskin namun sangat berpegang pada agama dan berilmu. Ketika usia beliau menginjak 9 tahun, ayah dan keluarganya berpindah dari Albania ke negeri Syam (Syria) setelah membaca beberapa tulisan tentang keutamaan dan kelebihan negeri Sham, maka beliau bercadang untuk berpindah negara dan menetap di kota Damsyik yang merupakan ibu Negara Syria. Manakala Ayah beliau yang bernama Nuh Najati adalah seorang yang alim dalam mazhab Hanafi merupakan bekas penuntut di beberapa institusi pendidikan tinggi Islam yang berada di Istanbul, Turki, pusat pemerintahan Turki Uthmani. Setelah menyelesaikan pengajiannya, beliau kembali ke negara asal beliau iaitu Albania untuk berdedikasi kepada agama dan mengajarkan ilmu Islam kepada masyarakat sekitar (al-Harithi, 2012).

Sebab utama perpindahan keluarga Shaykh al-Albani ke Syria adalah ketika pemerintahan Negara Albania dikuasai oleh Ahmad Zogum yang mana menyaksikan sistem pemerintahan Albania diubah menjadi negara sekular yang mengikut gaya hidup barat dalam segenap aspek kehidupan, membatasi ruang gerak kaum muslimin serta memberikan tekanan yang menyulitkan. Oleh sebab itu ayah Shaykh al-Albani sangat merisaukan masa depan keluarganya terhadap pegangan agama dan anak cucunya kelak, oleh sebab-sebab di atas ayah Shaykh al-Albani kemudian memutuskan untuk berhijrah ke Negara Syria bertujuan menyelamatkan pegangan Islamnya daripada fitnah dan ancaman. Damsyik merupakan kota persinggahan ketika berada di Syria, di situlah keluarga Shaykh al-Albani menetap hingga ayahnya meninggal dunia pada tahun 1950M ketika umur Shaykh al-Albani menginjak 40 tahun (Umar A.B, T.T). Kemudian beliau pun mengembara ke serata pelosok Syria dan negara-negara Arab sehingga beliau meninggal dunia pada waktu Asar, hari Sabtu 22 Jamadil Akhir tahun 1420H bertepatan tahun 1999 di Amman, ibu negara Jordan ketika berumur 85 tahun (Umar A.B, T.T).

## 3. Peringkat Awal Kebangkitan Pengaruh Shaykh al-Albani

### Perkembangan Pengaruh di Syria.

Syria adalah Negara pertama yang didiami oleh Shaykh al-Albani setelah meninggalkan negara asal beliau iaitu Albania di benua Eropah, ketika menetap di negara inilah merupakan zaman yang paling penting bagi Shaykh Muhammad Nasiruddin al-Albani yang merupakan titik permulaan untuk beliau memahat nama sebagai salah seorang Muhaddith yang disegani dan berpengaruh di seluruh pelosok dunia, hal tersebut diungkapkan sendiri oleh Shaykh al-Albani:

“Seandainya keluargaku tidak diizinkan oleh Allah untuk berpindah dari Albania ke Syria maka aku tidak akan tahu sepetah bahasa Arab pun, bahkan aku tidak akan dapat mengenali sunnah Rasulullah SAW” (Sidang Editor, T.T).

Pengaruh Shaykh al-Albani bermula dengan pembelajaran beliau dalam pelbagai cabang ilmu sejak mula-mula berpindah dari Albania ke Syria, al-Quran al-Karim merupakan ilmu pertama yang beliau pelajari dengan mengikut riwayat *Hafs 'an Asim* yang diajarkan oleh ayah beliau sendiri dan kemudian mempelajari

ilmu bahasa Arab seperti Nahu dan Saraf serta beberapa cabang ilmu Bahasa Arab yang lain. Ayah Shaykh al-Albani merupakan seorang yang sangat kuat berpegang dengan mazhab Hanafi oleh sebab itu beliau diarahkan untuk mendalami fiqh mazhab Hanafi dengan memulakan pengajian kitab *Mukhtasar al-Qaduri* (Kitab fiqh bermazhab Hanafi yang dikarang oleh Ahmad bin Muhammad bin Ahmad bin Ja'far bin Hamdan Abu al-Hasan al-Qaduri) yang diajarkan oleh ayah beliau sendiri (Al-Aly, 2001). Dalam proses menuntut ilmu di peringkat awal tersebut beliau tidak hanya berguru dengan ayahnya sahaja, beliau juga banyak menuntut ilmu dengan para ulama yang ada di sekitar tempat tinggal beliau yang banyak memberi pengaruh dalam membentuk jati diri beliau, sebahagian daripada guru-gurunya juga merupakan kawan kepada ayah beliau sendiri (Al-Aly, 2001).

#### 4. Permulaan Pengaruh dengan Mempelajari Ilmu Hadith

Ketika Shaykh Muhammad Nasir al-Din al-Albani menginjak umur 20 tahun beliau memulakan kajian dalam ilmu hadith setelah terinspirasi dengan kutipan hadith yang terdapat dalam majalah al-Manar yang dikelola oleh al-Shaykh Muhammad Rashid Rida Rahimahullah. Shaykh al-Albani tertarik dengan ulasan *Takhrij* yang dilakukan oleh al-Imam al-Hafiz Zayn al-Din al-'Iraqi terhadap kitab *Ihya' Ulum al-Din* karya al-Imam Abu Hamid al-Ghazali yang dinamakan sebagai *al-Mughni 'an Haml al-Asfar fi al-Asfar fi Takhrij ma Fi al-Ihya' min al-Akhhbar*. Karya al-Hafiz al-'Iraqi, melalui majalah al-Manar inilah yang membawa Shaykh al-Albani kepada pengenalan dan kecintaan beliau terhadap ilmu hadith sehingga menjadi seorang yang amat pakar dalam bidang ini (al-Munajjid, 2000).

Shaykh Muhammad Nasir al-Din al-Albani memilih Ilmu Hadith sebagai bidang utama kajian dan pengkhususan, sehingga mazhab Hanafi yang ditanamkan oleh bapanya sendiri semakin ditinggalkan sedikit demi sedikit. Dari saat itu Shaykh al-Albani bukan lagi menjadi seorang yang berpegang dengan mazhab tertentu dengan fanatik, melainkan setiap hukum agama yang datang dari pendapat tertentu pasti akan ditimbangannya dahulu dengan dasar dan kaedah yang murni serta kuat yang berasal dari sunah Nabi Muhammad SAW atau hadith (al-Sadhan, 2008).

Namun pilihan Shaykh Muhammad Nasir al-Din al-Albani untuk memperdalam bidang hadith adalah tidak mendapat restu daripada ayahnya sendiri dan menyebutkan sesuatu yang agak keras terhadap beliau "Sesungguhnya ilmu hadits adalah pekerjaan orang-orang mufliis". Namun Shaykh Muhammad Nasir al-Din al-Albani tidak mengambil hati dengan sindiran ayah beliau tersebut bahkan semakin cinta terhadap ilmu hadith. Begitu besar cintanya dengan ilmu hadith, Shaykh Muhammad Nasir al-Din al-Albani yang saat itu tidak memiliki cukup wang untuk membeli kitab-kitab, beliau memanfaatkan Perpustakaan *al-Zahiriyyah* di Damsyik. Shaykh Al-Albani terus menyibukkan diri dengan ilmu hadith yang sangat beliau minati. Kesibukan yang membuatnya tidak memiliki aktiviti yang lain. Beliau tidak ada rasa bosan duduk seharian sejak terbit matahari hingga terbenamnya, beliau duduk 12 hingga 18 jam sehari di perpustakaan al-Zahiriyyah mengkaji, memberikan ulasan, dan mentahqiq riwayat-riwayat hadith. Waktu rehatnya hanya waktu untuk solat. Kerana kesungguhan yang ditunjukkan tersebut, pegawai perpustakaan memberikan ruang khusus untuknya, dengan demikian, menjadi mudah bagi beliau untuk datang pada awal pagi sebelum orang lain dan meninggalkan perpustakaan ketika orang lain sudah meninggalkan perpustakaan pada waktu Zohor, dan kembali ke rumah setelah solat Isyak dan hal ini dijalannya sampai bertahun-tahun sehingga menguasai ilmu tersebut dengan sangat mendalam (al-Munajjid, 2000).

Selain belajar hadith sendiri di perpustakaan al-Zahiriyyah Shaykh al-Albani juga kerap mengikuti seminar-seminar dan kuliah-kuliah ulama lain seperti Shaykh al-'Allamah Bahjah al-Baytar yang sangat pakar dalam bidang hadith, yang juga merupakan ahli hadith merangkap sejarawan di Bandar Halab yang disegani. Selain itu beliau mengambil sanad daripada Shaykh Muhammad Raghbi at-Tabbakh yang kagum terhadap kecerdasan Shaykh al-Albani. Shaykh at-Tabbakh menguji hafazan serta pengetahuan Shaykh al-Albani terhadap ilmu *Musthalah Hadith* dan hasilnya sangat memuaskan. Maka Shaykh al-Tabbakh menurunkan Ijazah periwayatan hadith yang dinamakan *al-Anwar al-Jaliyyah fi Mukhtashar al-Athbat al-Hanbaliyyah*, sebuah *ijazah* dan juga *sanad* yang bersambung hingga Imam Ahmad bin Hanbal (yang melalui jalur Shaykh al-Tabbakh) (al-Harithi, 2012).

#### 5. Hadith dan Manhaj Salaf Menjadi Inti Pati Utama dalam Penyebaran Pengaruh

Setelah mempelajari ilmu hadith dengan sangat tekun dan bersungguh-sungguh sehingga beliau menjadi seorang yang alim dalam bidang tersebut menyebabkan beliau terpanggil untuk berdakwah menyebarkan

sunnah Rasulullah SAW yang telah dipelajari sekian lama sama ada di perpustakaan ataupun dengan beberapa orang ulama.

Shaykh Muhammad Nasir al-Din al-Albani sangat aktif di medan dakwah dan sangat bersungguh-sungguh dalam menyebarkan ilmu yang berpegang hanya kepada al-Quran dan al-Sunnah serta meraikan Ijmak dan Qiyas dan amat memusuhi *taqlid buta* kepada satu-satu mazhab tanpa mengetahui dalil yang sahih. Sedangkan ayahnya cenderung mengarahkannya kepada Mazhab Hanafi untuk menjadi ulama mazhab Hanafi mengikuti jejak ayahnya, namun minat beliau tidak cenderung seperti yang diharapkan oleh ayahnya. Kesungguhan terhadap ilmu hadith menyebabkan Shaykh Muhammad Nasir al-Din al-Albani tidak terikat dengan mazhab tertentu. Bahkan secara prinsip Shaykh Muhammad Nasir al-Din al-Albani mengambil pandangan semua 4 mazhab sekaligus, namun dalam pengambilan hukum beliau akan memastikan terlebih dahulu hukum tersebut selari dengan al-Quran dan al-Sunnah serta dibimbing oleh fahaman para *al-Salaf al-Salih* (Amru, 2003).

Shaykh al-Albani sentiasa menyibukkan diri dengan berdakwah. Untuk menyebarkan Kitab Allah dan Sunnah Rasulullah SAW, serta menjauhi ketaksuban kepada sesuatu pandangan, mazhab dan golongan tertentu. Beliau sentiasa mengikuti kebenaran di manapun berada atau apapun keadaannya. Bertolak dari perkara tersebut, Shaykh al-Albani bertekad untuk memperbaharui dan memperbaiki keadaan masyarakat yang beliau hadapi selama ini iaitu terlalu fanatik kepada sesuatu pandangan meskipun berlawanan dengan al-Quran dan hadith yang sahih. Pada peringkat awal dakwah dan penyebaran pengaruhnya di sekitar Damsyik beliau hanya diikuti oleh orang-orang yang dikenali dan beberapa individu dalam kalangan sahabat-sahabatnya sahaja, kemudian semakin hari semakin ramai orang yang menghadiri pengajian, kuliah dan syarahan, terutamanya ilmu yang berkaitan dengan hadith dan menerangkan sanad-sanadnya (al-Harithi, 2012).

Shaykh al-Albani menyusun beberapa siri jelajah dakwah secara bulanan ke beberapa daerah di Syria, tujuan jelajah ini adalah untuk menyebarkan ilmu yang berpaksikan al-Kitab dan al-Sunnah. Dalam peringkat ini beliau menyasarkan beberapa jama'ah Islam seperti Jamaah tabligh dan Ikhwan al-Muslimin, sehingga terdapat beberapa tokoh gerakan Ikhwan al-Muslimin menghadiri kuliah beliau seperti Shaykh 'Isham al-'Ithar, Shaykh Zuhayr al-Shawish, 'Allamah Muhammad Bahjah al-Baytar (yang juga merupakan guru al-Albani, namun kemudian menghadiri kuliah muridnya sendiri sebagai penghargaan terhadap muridnya al-Albani), Shaykh Abdul al-Fatah yang juga merupakan ketua Ikatan Pemuda Muslimin, dan juga Shaykh Taufiq al-Bazrah. Shaykh al-Albani juga menulis artikel untuk majalah Ikhwan al-Muslimin di Mesir sebagai satu ulasan terhadap kitab "*Fiqh al-Sunnah*" karangan Sayyid Sabiq sehingga menyebabkan Shaykh Hasan al-Banna mengutuskan satu surat yang mana dalam surat tersebut menyatakan sokongan dan galakan kepada Shaykh al-Albani agar terus menulis untuk majalah Jamaah Ikhwan al-Muslimin tersebut. Dalam misi menyebarkan pengaruh terhadap gerakan-gerakan Islam sama ada di Syria ataupun di luar Syria, Shaykh al-Albani sempat bertemu beberapa tokoh-tokoh pemimpin jamaah sama ada gerakan yang sesat ataupun tidak, termasuk pengasas hizbut tahrir Shaykh Taqiyyuddin al-Nubhani dan Shaykh Abdullah al-Habsyi demikian juga tokoh kumpulan *Qadyani* yang bertujuan untuk meluruskan fahaman mereka (Sitti, 2015).

Selain dihadiri oleh para tokoh dan ulama', kuliah Shaykh al-Albani juga dihadiri oleh pensyarah universiti, cerdik pandai dan para mahasiswa. Melihat kepada sambutan baik terhadap dakwah yang dijelankannya, hal ini telah mendorong Shaykh al-Albani menyusun beberapa program siri jelajah ilmu iaitu mengunjungi beberapa wilayah di Syria antaranya Halab, Laziqiyah, kota Ildid, Silmiyah, Homs, Hammah dan Riqqah ('Isham, 2003).

Dalam misi dakwah dan penyebaran pengaruh, Shaykh al-Albani menggunakan beberapa kitab berikut sebagai rujukan dan bahan kuliah beliau (Ardiansyah, 2014):

- 1- Kitab *Zad al-Ma'ad* karangan Ibnu al-Qayyim al-Jauziyyah.
- 2- Kitab *Iqtida al-Shirat al-Mustaqim li Mukhalafat Ashabi al-Jahim* karangan Ibnu Taimiyah.
- 3- Kitab *al-Targhib wa al-Tarhib* karangan al-Munziri.
- 4- Kitab *al-Halal wa al-Haram* karangan Yusuf al-Qardhawi.
- 5- Kitab *Fiqh al-Sunah* karangan Sayyid Sabiq.
- 6- Kitab *Riyadh al-Solihin* karangan al-Nawawi.
- 7- Kitab *Musthalah Tarikh* karangan Asad Rustam.
- 8- Kitab *al-Ilmam al-Jami' lil Ahadis al-Ahkam* karangan Ibnu Daqiq al-'Id.

- 9- Kitab *al-Baa'is al-Hasis (Syarh Ikhtisar Ulum al- Hadis)* karangan Shaykh Ahmad Muhammad Syakir.
- 10- Kitab *Fath al-Mujib Syarh Kitab al- Tauhid* karangan Shaykh Abd-Rahman ibn Hasan.
- 11- Kitab *Nukbat al-Fikar* (dalam ilmu Hadis) karangan Ibnu Hajar al-Asqalani.
- 12- Kitab *Usul al-Fiqh* karangan Abdul Wahab Khallaf.
- 13- Kitab *Manhaj al-Islam fi al-Hukm* karangan Muhamad As'ad.
- 14- Kitab '*Tabaqat Fuhul Syu'arak* Karangan Ibnu salam al-Jamhi.
- 15- Kitab '*That-hirul I'tiqad min Adranil Ilhad* (dalam tauhid), karangan al-Imam Shan'ani.
- 16- *al-Raudat al-Nadiyah Syarh Al-Durar al-Bahiyyah*, karangan Imam Asy-Syaukani Syarah Siddiq Hasan Khan.

Shaykh al-Albani juga telah diminta oleh fakulti syariah universiti Damsyik untuk melakukan takhrij terhadap hadith-hadith tentang jual beli yang terdapat dalam ensiklopedia fiqh, dan kemudiannya beliau dilantik untuk menjadi sebagai salah seorang anggota jawatan kuasa tahqiq kitab di fakulti tersebut. Selain itu Shaykh al-Albani juga pernah berkhidmat di al-Maktab al-Islami yang juga bertujuan mentahqiq kitab yang diasaskan oleh Shaykh Zuhayr al-Shawish, kitab-kitab yang telah ditahqiq kemudian disebar ke pelbagai negara (Mubarak Bamualim, 2003).

Kejayaan Shaykh al-Albani dalam siri perjalanan dakwah beliau di Syria, Shaykh al-Albani telah membentuk dan melahirkan ramai murid yang mengikuti jejak langkahnya, bahkan terdapat antara mereka yang menjadi tokoh terkenal dan meneruskan perjuangan beliau menegakkan sunnah Rasulullah SAW dengan menghasilkan buku-buku yang berkualiti serta menjadi rujukan umat islam setelah kewafatan Shaykh al-Albani (Muhammad Amin, 2011), mereka ialah:

- 1- Ridha' Na'san Muth'i, menantu Shaykh al-Albani, suami kepada Asiah binti Muhammad Nasir al-Din al-Albani
- 2- Muhammad Jamil Zainu. Mengikuti kuliah Shaykh al-Albani di kota Halab, Hamah dan Ruqah, Syria.
- 3- Khairuddin Wanli, seorang penyair terkenal dan memiliki karya tulis yang banyak dan bermacam-macam, menetap di kota Damsyik, Syria.
- 4- Abdul Rahman Albani. Belajar pada Shaykh al-Albani ketika berada di Damsyik.

## 6. Reaksi Setempat Terhadap Pengaruh al-Albani

Dakwah Shaykh al-Albani semakin hari semakin mendapat sambutan daripada pelbagai lapisan masyarakat, hal tersebut telah menjadikan sekelompok orang yang tidak sependapat merasa kurang selesa, oleh itu mereka meningkatkan usaha penentangan dengan pelbagai cara sehingga Shaykh al-Albani menghadapi kesusahan yang berpanjangan dalam usaha dakwah beliau (Mubarak, 2003).

Hal tersebut berlaku kerana Shaykh al-Albani kerap mengadakan dialog dan berdiskusi dengan para ulama dan imam-imam masjid di sekitar Damsyik tentang perkara-perkara yang dirasakan tidak mengikut sunnah Rasulullah SAW yang sahih, sehingga banyak menghadapi tentangan berat daripada para shaykh yang taksub atau fanatik terhadap mazhab tertentu. Antara penentangan yang paling besar yang beliau hadapi ialah daripada para Shaykh yang berpegang dengan jalan kesufian yang mana menurut Shaykh al-Albani mereka banyak melakukan bid'ah dan khurafat yang bercanggah dengan ajaran Islam itu sendiri terutamanya bertentangan dengan hadith-hadith yang sahih atau hasan. Oleh itu mereka memprovokasi dan mengajak orang ramai agar menentangnya dengan cara menyebarkan tuduhan bahawa Shaykh al-Albani ialah seorang penganut fahaman Wahabi yang sesat dan keluar daripada kerangka atau ajaran Ahli al-Sunnah wa al-Jamaah serta mengingatkan masyarakat agar berjaga-jaga terhadapnya (al-Albani, 2013).

Terdapat beberapa cara yang dilakukan oleh golongan penentang Shaykh al-Albani yang secara umumnya datang daripada golongan tarikat yang menyeleweng dan golongan yang fanatik dengan mazhab Hanafi dalam mengekang pengaruh beliau di Syria. (Herry, 2008), antaranya:

- 1- Mengumpulkan tanda tangan masyarakat di sekitar dan kemudian diajukan kepada Mufti Negeri Syam. Isi dakwaannya adalah bahawa Shaykh al-Albani mengajak manusia kepada dakwah Shaykh Muhammad Ibn Abdul Wahhab dan mengganggu keharmonian orang Islam. Hal tersebut dipanjangkan oleh Mufti kepada

Ketua Polis Negara, sehingga menyebabkan al-Shaykh al-Albani disiasat oleh pihak polis, meskipun pada akhirnya beliau selamat dari tipu daya mereka.

2- Dipanggil oleh Kementerian Dalam Negeri bahagian keamanan untuk memberi amaran kepada beliau agar tidak masuk ke ke wilayah-wilayah lain untuk menyebarkan pengaruh pemikiran beliau.

3- Fitnah terhadap al-Shaykh al-Albani seperti tuduhan mujassimah dan menentang ajaran Ahli al-Sunnah wa al-Jamaah, membuatkan beliau meringkuk dalam penjara Qal'ah di Damsyik, penjara yang pernah dihuni oleh Shaykh al-Islam Ibnu Taymiyah dan muridnya Ibnu al-Qayyim yang ditahan atas sebab yang sama, iaitu ketidak sefahaman dengan agamawan tempatan.

## 7. Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa perpindahan al-Shaykh Muhammad Nasir al-Din al-Albani dari Albania mengikuti keluarganya ke Syria merupakan satu titik permulaan yang sangat penting dalam pelayaran Ilmu Hadith dan perkembangan dakwah Salafiyah yang diterajunya. Syria merupakan sebuah negara yang menjadikan beliau seorang tokoh yang dipandang tinggi dalam aspek keilmuan Islam terutamanya ilmu hadith yang menjadi simbol ketokohan beliau. Ketika di Syria beliau banyak melakukan takhrij terhadap kitab-kitab hadith karangan imam-imam terdahulu sehingga dikenali sebagai *pentakhrij* dan *pentahqiq* yang ulung.

Selain itu, beliau juga amat dikenali sebagai tokoh aliran Salafi, oleh itu perkembangan pengaruh beliau adalah dikira sebagai pengaruh salafi itu sendiri. Bertitik-tolak dari hal tersebut, Ketika berada di Syria beliau sangat bergiat aktif dalam menyampaikan dakwah dengan mengikut manhaj salaf, berdialog dengan aliran-aliran yang sesat dan mengadakan kelas-kelas pengajian dengan mengkaji kitab-kitab tokoh lain sama ada tokoh terdahulu daripada beliau seperti kitab karangan Shaykh al-Islam Ibnu Taymiyyah mahupun yang sezaman dengan beliau seperti al-Shaykh Dr. Yusuf al-Qaradawi. Shaykh al-Albani melahirkan banyak murid yang kemudian menjadi tokoh ilmunan yang terbilang bagi meneruskan misi beliau yang terhenti disebabkan kewafatan yang mana semua yang hidup akan merasai hal tersebut. Adapun asam garam sebagai tokoh yang berpengaruh mesti tidak akan luput daripada cabaran dan dugaan yang dihadapi, begitu juga Shaykh al-Albani yang banyak menerima penentangan daripada pihak-pihak yang tidak sehaluan dengan cara pemikiran dan manhaj yang beliau telusuri, sehingga menyebabkan disekat pergerakan dan dakwah beliau bahkan juga dipenjarakan, namun tidak mematahkan semangat beliau untuk meneruskan kerja-kerja mulia iaitu menyampaikan agama Allah SWT.

## Rujukan

- Abu Asmak al-Misri, Athiyah bin Shidqi 'Ali Salim. 2001. 'Audah. *Shafahat Baidha' min Hayati al-Albani*. Yaman: Dar al-Athar.
- Abu Nasir, Ibrahim 'Abdul Rauf & Abu Maryam, Muslim Ameen. 2007. *The Biography of Great Muhaddith Muhammad Nasiruddin al-Albani*. Riyadh: Maktabah Dar al-Salam.
- al-'Aly, Ibrahim Muhammad. 2001. *Muhammad Nasiruddin al-Albani Muhaddith al-Asr wa Nasir al-Sunnah*. Damsyik: Dar al-Qalam.
- al-Albani, Muhammad Nasiruddin. 2013. *Hazihi Da'watuna*. Beirut: Dar al-Mahajjah.
- Amru, Abdul Mu'in Salim. 2003. *Shaykh al-Albani dan Manhaj Salaf*. Jakarta Selatan: Najla Press.
- Ardinsyah. 2014. *Pengaruh Mazhab Hanbali dan Ibnu Taimiyyah dalam Paham Salafi*. Tesis Sarjana. Institut Agama Islam Negeri (IAIN), Medan.
- DKK, Herry mohammad. 2008. *Tokoh-tokoh Islam yang Berpengaruh Abad ke 20*. Jakarta: Gema Insani.
- al-Harithi, Abdul Rahman Bin Yusuf. 2012. *Juhud al-Shaykh al-Albani fi al-Dakwah ila Allah*. Tesis Sarjana. Universiti Ummu al-Qura, Makkah al-Mukaramah.
- 'Isham Musa Hadi. 2003. *Muhaddith al-Asr al-Imam Muhammad Nasiruddin al-Albani Kama Araftuhu*. Arab Saudi: Dar al-Shadiq.
- M. Nazir. 2003. *Metode Penelitian*. Jakarta: Ghalia Indonesia.
- Moh.Ikhsan. 2006. *Gerakan Salafi Modern di Indonesia*. Jakarta: Universiti Indonesia.

- Mubarak Bamualim bin Mahfudh. 2003. *Biografi Shaykh Albani Mujaddid dan Ahli Hadis Abad ini*. Bogor: Pustaka Imam al-Syafi'i.
- Muhammad Amin. 2011. *Muhaddith Ulung Abad Ke-20*. Purwokerto: CV Cahaya Ilmu.
- al-Munajjid, Muhammad Soleh. 2000. *Ahdath Muthirah fi Hayati al-Shaykh al-Allamah al-Albani*. Iskandariah: Dar al-Iman.
- al-Sadhan, Abdul Aziz Bin Muhammad Bin Abdullah. 2008. *al-Imam al-Albani Durus wa 'Ibar wa Mawaqif*. Riyadh: Maktbah Malik Fahd al-Wataniyah.
- Sidang Editor. t.th. *Tarajum Ulama' al-Syam (Suriyah) man Nazala au Sakana Biha*. Damsyik: Dar al-Qalam.
- Sitti Asiqah Usman Ali. 2015. *al-Ahaadis al-Dha'ifah wa al-Maudhu'ah Karya Nashir al-Din al-Albani*. Jakarta: Jurnal al-Asas.
- Sidang Editor. 2000. Departemen Pendidikan dan Kebudayaan. Jakarta: Indonesia. <http://www.visitcapitalcity.com/europe/Tirana-Albania>.
- Umar Abu Bakar. t.th. *al-Imam al-Mujaddid al-'Allamah al-Muhaddith Shaykh Muhammad Nasiruddin al-Albani*. Riyadh: Bayt al-Afkar al-Duwaliyyah.